



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### **KAPASITI 50% PENUMPANG DAN PENYESUAIAN FREKUENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT SERTA LAUT SEPANJANG TEMPOH PKP 3.0 MULAI 25 MEI 2021**

Susulan keputusan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk memperketatkan prosedur operasi standard (SOP) dalam menangani situasi pandemik COVID-19, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menghadkan kapasiti penumpang bagi semua mod perkhidmatan pengangkutan awam darat dan laut sehingga 50% daripada kapasiti maksima berkuatkuasa hari Selasa, 25 Mei 2021.

Perkhidmatan penerbangan penumpang dan kargo dikecualikan daripada pengumuman ini berikutan kapasiti penumpang yang sudah rendah. Walau bagaimanapun, syarikat penerbangan dan penumpang juga perlu mematuhi SOP ketat seperti yang ditetapkan oleh MKN dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

Pengangkutan awam adalah perkhidmatan yang penting namun dalam tempoh ini, mengelakkan himpunan secara ramai dan mengurangkan pergerakan adalah perkara yang lebih utama. Oleh itu, MOT amat berharap orang ramai dapat bersabar dan memahami situasi sukar ini serta bersama-sama dalam usaha memutuskan rantaian penularan wabak COVID-19 di seluruh negara.

MOT akan memantau situasi dari semasa ke semasa untuk mengurangkan ketidakelesaian para pengguna dan orang ramai setakat yang boleh.

#### **PERKHIDMATAN BAS, FERI, REL, DAN KERETAPI**

Agensi-agensi berkaitan di bawah MOT akan mengemaskini jadual perjalanan termasuk menghadkan frekuensi perkhidmatan. Pengguna pengangkutan awam digalakkan untuk mendapatkan maklumat terkini menerusi laman web rasmi dan media sosial penyedia-penyedia perkhidmatan yang berkaitan.

#### **PERKHIDMATAN TEKSI DAN E-HAILING**

Setiap kenderaan penumpang dihadkan kepada tiga (3) orang (seorang pemandu dan dua penumpang), termasuk bagi kenderaan yang bersaiz lebih besar seperti 4WD dan van. Sila rujuk butiran SOP terkini oleh MKN.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## PEMATUHAN SOP BAGI PENCEGAHAN COVID-19

Semua pengguna pengangkutan awam perlu mendapatkan kebenaran rentas negeri atau rentas daerah daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sekiranya menggunakan mana-mana mod pengangkutan awam bagi perjalanan yang berkaitan.

Anggota penguatkuasa akan ditempatkan di stesen-stesen serta terminal-terminal pengangkutan awam bagi memastikan pematuhan SOP pencegahan COVID-19 serta memantau keadaan semasa bersama pihak keselamatan agensi yang berkaitan.

MOT sekali lagi menyeru pengguna pengangkutan awam agar sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan di semua stesen dan terminal termasuklah memakai pelitup separuh muka, menggunakan cecair pembasmi kuman dan mengamalkan penjarakan sosial selagi boleh serta mengimbas kod QR MySejahtera.

#kitamestimenang

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG**  
**MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**  
**22 MEI 2021**

**-TAMAT-**

---

### Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

### Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**  
**Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)  
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [sua@mot.gov.my](mailto:sua@mot.gov.my)  
[unitkomunikasikorporat@mot.gov.my](mailto:unitkomunikasikorporat@mot.gov.my)

